

Tempoh visa 15 hari pelawat China tidak dilanjutkan

Pelancong perlu pulang ikut tarikh ditetapkan sebagai langkah berjaga-jaga

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan tidak akan melanjutkan tempoh pelepasan visa 15 hari kepada pelancong China yang kini berada di negara ini, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka perlu pulang mengikut tarikh ditetapkan biarpun kemungkinan ada yang mahu terus berada di sini untuk tempoh tertentu, sebagai langkah berjaga-jaga susulan penyebaran coronavirus di China.

"Tidak boleh bagi lanjutan visa," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan bagi mendapatkan perincian terkini kes coronavirus di Pusat Ke-siapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), di Kementerian Kesihatan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan juga tidak bercadang memperluaskan sekatan visa yang dikenakan ke atas pelawat dari Wuhan dan Hubei kepada pelancong China dari wilayah lain.

"Kita sedar 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia (TMM), namun soal keselamatan rakyat menjadi keutamaan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, buat masa ini tiada halangan mengadakan perhimpunan dan persidangan berskala besar dan membabitkan peserta antarabangsa, memandangkan pi-



Dr Wan Azizah menyerahkan sekotak topeng muka kepada pegawai imigresen ketika melawat Pusat Pemantauan Saringan Suhu Badan bagi mengesan 2019-nCoV yang berfungsi 24 jam di Terminal Ketibaan klia2, semalam.

(Foto BERNAMA)

hak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang sekatan perjalanan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan memantau situasi terkini penyebaran dan mendapatkan maklum balas daripada WHO apabila sambutan Thaipusam diadakan minggu depan, yang menyaksikan ribuan masyarakat akan berhimpun.


Malaysia juga katanya akan bekerjasama dengan negara ASEAN bagi mendapatkan bekalan ubatan, selain perkongsian data mengenai penularan virus berkenaan di rantau ini.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan merekodkan 85 kes Pengesahan Kes Yang Disyaki (PUI) jangkitan 2019-nCoV setakat petang semalam.

Dr Wan Azizah berkata, daripada jumlah itu, 74 negatif kepada coronavirus sementara lapan lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

Sehingga jam 2 petang semalam, tujuh kes positif 2019-nCoV dengan semuanya membabitkan warga China.

Bilangan pengimbas haba di Malaysia



Grafik BH